



Pengumuman Pastoral untuk Pesta Para Kudus dan Hari Para Arwah 2025

Saudara-saudari umat Tuhan yang dikasihi,

Tahun ini, Pesta Para Kudus jatuh pada hari Sabtu, November 1 dan Hari Para Arwah jatuh pada Ahad, November 2.

Pesta Para Kudus ialah hari suci yang wajib dalam Konferensi Malaysia, Singapura dan Brunei, dan Hari Minggu

juga merupakan hari suci yang wajib.

Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei, setelah membuat pertimbangan dengan Komisi Liturgi Serantau Episkopal Malaysia, Singapura dan Brunei, memberikan panduan berikut:

1. Bahawa pada hari Jumaat, Oktober 31, 2025, Misa Senja adalah Misa Vigil

untuk Pesta Para Kudus.

2. Bahawa semua Misa pada hari Sabtu, November 1, adalah Misa untuk Hari Para Kudus.

3. Bahawa semua Misa pada hari Minggu, November 2, 2025, adalah Misa untuk Para Arwah.

Semoga kita semua mendapat berkat

Tuhan yang melimpah.

+ William Goh

Kardinal William Goh

Presiden

Komisi Liturgi Serantau

September 19, 2025

Pengampunan menakluki kebencian



KOTA VATICAN: Kira-kira 9,000 umat berkumpul di Basilika Sto Petrus pada malam September 15 lalu, untuk mengambil bahagian dalam vigil doa bagi Jubli Penghiburan. Acara khas Tahun Suci itu didedikasikan kepada semua orang yang telah menempuh saat-saat kesukaran, kesedihan, penderitaan, atau kesusahan tertentu.

Sri Paus Leo XIV memimpin umat dalam Liturgi Sabda, yang merangkumi dua kesaksian daripada wanita yang mengalami kehilangan orang tersayang yang sangat traumatik.

Kesaksian perdamaian di tengah-tengah kesakitan

Diane Foley, ibu kepada wartawan Amerika yang telah meninggal dunia, James Foley, menceritakan kisah iman dan perdamaian dengan seorang anggota kumpulan yang dikenali sebagai Negara Islam (IS) yang membunuh anaknya.

James berkhidmat di Syria sebagai wartawan konflik bebas pada tahun 2012 apabila beliau diculik, disiksa, kebuluran dan dipenggal kepalanya secara terbuka pada bulan Ogos 2014, kerana beliau ialah seorang wartawan Amerika dan seorang Kristian.

Diane berkongsi perjuangannya untuk tidak menjadi pendendam sebaliknya berpaling kepada Tuhan walaupun dalam kemarahannya. Dia berdoa kepada Bunda Maria, yang anaknya juga dibunuh walaupun tidak bersalah, sambil berkata bahawa tauladan Bunda Suci mengajarnya untuk berjalan dalam iman dan percaya kepada Tuhan.

Selepas dua daripada jihadis dari penjara yang dikenali sebagai "Beatles Cell" ditangkap dan dibicarakan di Amerika Syarikat, Diane meminta dipertemukan dengan Alexandra Kotey, salah seorang lelaki yang membunuh anaknya.

Semasa pertemuan itu, Alexandra menyatakan "penye-

salan yang mendalam." Diane mengatakan, "Tuhan memberi saya rahmat untuk melihat Alexandra sebagai sesama pendosa yang memerlukan belas kasihan, seperti saya," katanya.

Lucia Di Mauro Montanino berkongsi kesakitan yang dialaminya dan anak perempuannya selepas suaminya, seorang pengawal keselamatan, dibunuh oleh sekumpulan lelaki muda di bandar Naples, Itali.

Beberapa tahun pembunuhan itu, salah seorang pembunuh, Antonio yang berusia 17 tahun — dijatuhkan hukuman penjara 22 tahun. Antonio kemudian meminta untuk bertemu dengan Lucia untuk memohon maaf.

"Di hadapan saya, seorang budak lelaki yang menggigil, yang meminta maaf, dan satu-satunya yang dapat saya lakukan ketika itu ialah memeluknya. Di situ saya merasakan dalam diri saya keinginan mengubah kesakitan menjadi sesuatu yang baharu," kata Lucia.

Apabila Antonio dibebaskan di bawah pengawasan 14 tahun lebih awal, Lucia menemaninya, menjadi keluarga baharu Antonio serta membantunya untuk menempuh semula perjalanan hidup selepas bertaubat.

"Perdamaian memerlukan pertemuan aktif, dan ia mendorong Antonio membina kehidupan baharu serta membantu saya menerima kematian suami saya dengan damai," kata Lucia.

Kedekatan Tuhan pada saat kegelapan

Dalam ucapannya, Sri Paus Leo merenungkan keperluan manusia untuk penyelesaian dan penghiburan di tengah-tengah banyak peperangan dan kehilangan yang dialami orang setiap hari.

"Pada saat kegelapan, walaupun semua penampilan luaran menunjukkan seolah-olah Tuhan meninggalkan kita, Dia sebenarnya hadir bersama kita."

"Pada saat-saat gelap inilah kita dijemput lebih kuat untuk meletakkan harapan kita kepada Sang Penyelamat

yang tidak pernah meninggalkan kita."

Sri Paus menyatakan bahawa mereka yang menderita mencari seseorang untuk menawarkan sebarang bentuk penghiburan, tetapi sering kali gagal menemui yang benar-benar mendengar mereka.

"Kadang-kadang, air mata adalah satu-satunya penghiburan yang kita temui, tidak perlu malu untuk menangis kerana ia adalah luahan tangisan senyap kemanusiaan kita yang lemah dan diuji. Kita mungkin mempersoalkan sifat kejahatan manusia dan bagaimana Tuhan boleh membiarkan kejahatan wujud."

"Namun," kata Sri Paus, "kita harus merujuk kepada Kitab Suci untuk membantu kita memulihkan keraguan menjadi jawapan iman."

"Jika kita menukar pelbagai persoalan kita menjadi doa dan permohonan untuk keadilan dan kedamaian daripada Tuhan, harapan kita dipakukan kepada Yesus, yang merupakan jambatan antara Tuhan dan manusia."

"Di mana sahaja terjadinya kejahatan, jangan berhenti mencari penyelesaian dan penghiburan Tuhan, yang boleh mengatasi ketakutan dan kesakitan kita."

Pengampunan menghalang kesakitan daripada bertukar menjadi keganasan

Sri Paus menyatakan bahawa kesaksian Diane Foley dan Lucia Di Mauro Montanino memperlihatkan kebenaran bahawa "cinta boleh menakluki kebencian."

"Pengampunan, menawarkan kita kehidupan Kerajaan Tuhan di bumi, memecahkan kitaran kejahatan dan menegakkan keadilan yang berlandaskan rahmat Tuhan."

"Marilah kita berlutut di hadapan Bunda Maria dan belajar daripada beliau untuk melindungi golongan yang paling lemah dengan kelembutan!" Sri Paus Leo XIV kemudian menjemput semua orang untuk membenarkan Tuhan menghibur kita dalam kesakitan kita, bukannya bergantung kepada kekuatan sendiri. **Media Vatikan**

Bapa saya meninggal dunia ketika saya berusia dua puluh tiga tahun, masih seorang seminarian, masih muda dan masih belajar tentang kehidupan.

Sukar untuk kehilangan bapa pada usia mana pun, dan kesedihan saya bertambah buruk kerana saya baharu sahaja mula menghargai apa yang telah dia berikan kepada saya.

Meskipun pada usia apa pun, ketika saya benar-benar tahu hidup berdikari, saya tetap sangat menginginkan bapa saya masih berada dengan saya. Apa yang dia perlu berikan, bapa saya sudah berikan kepada saya. Saya telah mendapat restunya.

Saya tahu saya mendapat restunya. Saya yakin, kehidupan dan hala tuju yang saya pilih telah menyenangkan hatinya. Seperti suara Tuhan semasa pembaptisan Yesus-Nya, dia juga menyampaikan kepada saya: Engkaulah anakku yang ku kasihi, kepadamu aku berkenan.

Tidak semua orang bernasib baik begitu. Tidak semua orang mendapat apa yang diinginkan daripada seorang bapa. Dan apa yang bapa saya tinggalkan untuk saya dan keturunannya?

Terlalu banyak untuk disebutkan, tetapi antara lain, keteguhan moral. Dia adalah salah seorang yang teguh dalam hal moral yang pernah saya kenali meskipun dalam hal-hal moral yang kecil.

Dia bukan lelaki yang menerima alasan bahawa kita hanya manusia dan oleh itu tidak mengapa untuk membuat beberapa kesalahan kecil.

Beliau pernah berkata kepada kami, "Sesiapa sahaja boleh menunjukkan kepada saya kemanusiaan; saya memerlukan seseorang untuk menunjukkan kepada saya ketuhanan!"

Dia mengharapkan anda tidak gagal, untuk memenuhi apa yang diminta oleh iman dan moral, untuk tidak membuat alasan. Jika kami, keluarganya, dapat menjalani hidup ini dengan baik, ia adalah kerana kekerasan moral ini.

Selain itu, dia mempunyai kewarasan yang stabil, hampir sempurna.

Ketika mengenang arwah bapa, kami bersema bahawa kesederhanaan bapa ialah satu-satunya sifat keterlaluan beliau.

Restu seorang ayah

Tidak pernah histeria, tiada kemurungan, tiada pening, tiada ketidakstabilan dan pada hari tertentu, jiwa dan fizikalnya tenang menghadapi apa juga keadaan.

Dengan keteguhan moral itu, disokong dengan ibu, bapa menjadikan rumah kami sentiasa menjadi zon yang selamat, tempat yang kadang-kadang membosankan, tetapi sentiasa selamat.

Apabila saya memikirkan rumah tempat saya dibesarkan, saya memikirkan tempat perlindungan yang selamat di mana anda boleh melihat ribut di luar dari tempat yang hangat dan selamat. Sekali lagi, tidak semua orang bernasib baik begitu.

Dan kerana kami sekeluarga besar dan kasih sayang serta perhatiannya perlu dikongsi dengan ramai adik-beradik, saya tidak pernah menganggap bapa sebagai "bapa saya", tetapi sentiasa sebagai "bapa kami".


Ini telah membantu saya memahami cabaran pertama dalam Doa Bapa Kami, iaitu, Tuhan adalah Bapa "Kami", yang kita kongsi dengan orang lain, bukan entiti persendirian.

Selain itu, bagi bapa saya, keluarganya bukan terdiri daripada anak-anaknya sahaja.

Sejak kecil saya belajar agar tidak cemburu akan hakikat bahawa dia tidak selalu dapat bersama kami, kerana dia mempunyai sebab yang baik untuk berada di tempat lain: kerja, masyarakat, Gereja, lembaga hospital dan sekolah, penglibatan politik. Dia adalah orang tua bagi keluarga yang lebih besar daripada keluarga kami sendiri.

Akhir sekali, tidak kurang pentingnya, dia memberkati saya dan adik-beradik saya dengan minat terhadap besbol. Dia menguruskan pasukan besbol tempatan selama bertahun-tahun. Kegemaran ini merupakan 'tempat' khususnya di mana dia boleh menikmati sedikit hari Sabtu.

Tetapi sesungguhnya berkat seorang manusia tidak sempurna. Bapa saya juga seorang manusia biasa dan kekuatan terbesar seorang lelaki, biasanya kelemahan terbesarnya. Dalam semua kekuatan moral dan kewarasan yang kukuh seperti batu, terdapat



juga keraguan yang kadangkala tidak membenarkannya menikmati sepenuhnya kemeriahian hidup.

Setiap anak lelaki memerhatikan cara bapanya menjalani dan secara tidak sedar membandingkannya dengan perkara-perkara tertentu: keraguan, kelancaran, kebebasan, cara pembawaan diri, rasional dan bagaimana dia memikul tanggungjawab.

Bapa saya mempunyai banyak kelemahan dan cara beliau menjalani kehidupan juga tidak lancar. Dan saya telah mewarisi perkara itu, sesuatu yang boleh menyakitkan saya dengan mendalam.

Ada kalanya, sama ada sebagai kanak-kanak mahupun sebagai orang dewasa, dalam situasi tertentu, saya akan menukar bapa saya dengan bapa yang ceria, kurang berhati-hati dan menerima semua bentuk kegembiraan hidup.

Dan itu sebahagiannya adalah perjuangan saya untuk menerima restu penuhnya. Saya sering teringat ayat terkenal William Blake dalam *Infant Sorrow*, di mana beliau menyebut "Berjuang dalam tangan bapa saya."

Bagi saya, ia bermakna kadang-kadang bergelut dengan keraguan bapa saya untuk melepaskan dan menikmati sepenuhnya

anugerah kehidupan.

Tetapi, jika ada keraguan, tidak bermakna dia tidak bertanggungjawab, meskipun mungkin kelihatan seolah-olah meninggalkan prinsip moral.

Saya berduka pada pengebumiannya, tetapi juga bangga, bangga dengan penghormatan yang dicurahkan untuknya, khususnya cara dia menjalani hidupnya. Tidak diragukan, dia seorang yang amat teguh prinsip moralnya.

Saya lebih tua sekarang berbanding usianya ketika dia meninggal dunia. Hari-hari duniawi saya kini melebihi hari-harinya sebanyak lima belas tahun.

Tetapi saya masih hidup dalam rahmatnya, secara sadar dan tidak sadar, berusaha untuk memenuhi, untuk menghormati apa yang telah diberikannya kepada saya.

Dan kebanyakannya itu baik, walaupun saya juga ada saat-saat apabila saya mendapati diri saya berdiri di luar kehairahan hidup, berhati-hati, berhati-hati dengan prinsip dan pandangan, berasa cemburu terhadap mereka yang mempunyai kehidupan yang lebih lancar – tetapi saya, tetap anak lelaki bapa saya. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

HARI MINGGU BIASA KE 26 (C)

AMOS 6:1A.4-7
1 TIMOTIUS 6:11-16
INJIL LUKAS 16:19-31

Injil Lukas hari ini merupakan sebuah perumpamaan, yang bercorak provokatif dan menentang, iaitu tentang sikap Yesus terhadap orang kaya dan orang miskin.

Tetapi bila dibaca atau didengarkan dengan tenang, sebenarnya ia merupakan ajaran untuk kita mengubah sikap agar kita dapat mencicipi kebahagiaan yang sebenarnya.

Injil hari ini, sebaik-baiknya dibaca dan dihayati dengan tenang, tanpa emosi atau prasangka, membacanya sebagai Khabar Gembira.

Sebab "Lazarus" ertinya "Tuhan Menolong". Oleh sebab itulah si miskin ketika mati, dapat duduk di pangkuan Abraham!

Individu yang disebut "orang kaya" dalam perumpamaan itu ialah orang yang seluruh hidupnya terarah kepada dirinya sendiri (*self-centred*).

Dia berpakaian mewah dan dapat makan makanan lazat setiap hari. Dalam hidupnya dia memiliki segala-galanya tetapi dia tidak memikirkan apatah lagi berbelas kasih kepada orang-orang yang memerlukan.

Apa yang dianggap dan dinilainya sebagai

Menjadi teman orang-orang miskin

berharga hanyalah tentang sejauh mana dia dapat menghasilkan keuntungan dan kekayaan sebesar mungkin.

Orang kaya ini tidak berminat mengabdikan kepada Tuhan apatah lagi memerlukan bimbingan-Nya. Dia cukup senang dan selesa atas keinginan, kenikmatan dan kesenangan duniawinya. Dia berada "dalam lingkungan duniawinya sendiri".

Orang kaya itu melihat dan mengenal Lazarus yang miskin tetapi tidak mahu mendekatinya.

Sikap si kaya itu terhadap situasi Lazarus, merupakan gambaran jelas tentang sikapnya terhadap Tuhan.

Oleh kerana si kaya hanya memperhatikan dirinya sendiri dan bukan kepada Tuhan, maka setelah dia mati berada "dalam alam maut", dia menderita sengsara. Sesudah mati ternyata si kaya bukan berada di firdaus (syurga), bukan bersama Abraham seperti yang diharapkannya!

Sebaliknya Lazarus berada bersama Abraham kerana sepanjang hayatnya dia hidup miskin dan melarat tetapi hatinya

selalu dekat bersama Tuhan serta tidak pernah melepaskan iman kepercayaannya kepada Tuhan.

Pakaianya buruk, lapar, berjuang untuk dapat meneruskan hidupnya, badannya penuh penyakit, kotor sampai dijilat-jilat anjing! Tetapi ketika dia mati, dia segera dibawa malaikat ke pangkuan Abraham. Di syurga, Lazarus sangat bahagia. Ketika si kaya dan Lazarus masih hidup di dunia, tidak ada jurang antara keduanya.

Ketika di dunia, Lazarus berada dan mengemis di luar pintu gerbang rumah si kaya. Si kaya dapat membantunya kerana Lazarus hanya berada di luar rumahnya.

Tetapi di syurga, ada jurang antara syurga dan neraka. Yesus menggunakan gambaran tempat bagi menunjukkan adanya suatu jurang luas, antara syurga dan neraka, jurang yang tidak dapat dihubungkan satu sama lain.

Si kaya bermohon kepada Abraham, "Suruhlah Lazarus menolong aku!" Si kaya

memikirkan dia dapat memerintah dan mengatasi situasinya.

Si kaya tidak mendengarkan perintah para nabi, yang mengajar supaya kita saling menolong. Para nabi juga sudah mewartakan bahawa Almasih akan lahir di Betlehem, dan Almasih itu akan menjadi sahabat orang-orang miskin dan tersingkir (Yes 61:1-2).

Tetapi si kaya ini tidak mengasihi sesamanya. Ajaran para nabi, bahkan daripada Yesus sendiri diabaikannya apatah lagi untuk melakukannya. Dia berasa dirinya terlalu baik, terlalu tinggi kedudukannya, untuk menjadi teman dan penolong kaum miskin.

Seluruh isi Injil Lukas 16 bukan hanya tentang wang atau kekayaan, melainkan mengenai hubungan atau relasi peribadi antara manusia.

Pesan penting yang terdapat dalam perumpamaan-perumpamaan Injil Lukas 16 ialah tentang relasi peribadi. Dengan menolong orang lain kita membentuk dan mengembangkan peribadi Kristian sejati.

Oleh sebab itu, dengan memberi atau menolong orang yang memerlukan, kita juga menerima berkat daripada Tuhan. Apakah perkara yang lebih luhur selain membantu golongan lemah seperti Yesus yang menjadi mulia kerana menghargai kaum miskin? **Msgr Hadisumarta O.Carm**



Uskup Cornelius berkati Gereja Salib Kudus Bangawong, Sook

BANGAWONG, Sook: "Apabila bangunan Gereja diberkati, kita percaya Tuhan hadir dan di sinilah tempat kita bertemu dengan Tuhan dan dengan satu sama lain sebagai umat-Nya."

Uskup Cornelius Piong menyempurnakan Misa Kudus dan Upacara Pemberkatan Gereja Salib Kudus pada September 1, bersama Fr Anthony Mikat dan Fr Bede Morti.

"Datanglah sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu untuk menyembah Tuhan agar hubungan kita dengan Tuhan semakin erat," kata Uskup Cornelius Piong.

Prelatus itu mengingatkan umat

agar menggunakan Gereja itu sebagai tempat pembentukan iman "Dalam bangunan Gereja ini, kita dapat memperkasakan iman dengan mendengar Sabda Tuhan, berdoa dan merayakan Sakramen."

Prelatus itu juga mengatakan iman bukanlah sekadar kata-kata tetapi tindakan yang konkrit. "Iman kita haruslah kita perlihatkan melalui sikap berpartisipasi dan ambil peduli," kata Uskup Cornelius sebelum menutup homilinya.

Pengerusi penganjur, Liziah Ama dalam ucapannya menyatakan Komuniti Umat Katolik (KUK) Bangawong mula aktif sekitar

tahun 2008 dan Misa penubuhan rasmi diadakan pada tahun 2011.

Ibadat sabda bermula pada bulan 10 tahun 2010 yang dipimpin secara bergilir oleh para katekis dari Zon Tiulon dan kini dipimpin oleh Katekis Albady Marcus.

Tempat beribadat pertama di adakan di balai raya lama sebelum berpindah ke Dewan Serbaguna kampung dan kini, berdiri megah Gereja Salib Kudus yang disumbangkan oleh wakil rakyat.

Selepas Misa Kudus, Uskup Cornelius menanam pokok limau sebagai simbolik perasmian perayaan. **Scholastica Jiki**



Kerahiman Ilahi menawarkan belas kasihan tidak terbatas

KUALA PENYU: Pada September 7, umat di Gereja St Thomas Becket, Kelampun, bersukacita menerima lawatan rohani, Fr Bede Morti Lamutan, dari paroki Sook.

Ia merupakan kunjungan pertama Fr Bede ke salah sebuah stasi di bawah jagaan St Peter, Kuala Penyau.

Fr Morti, selaku Paderi Pembimbing Rohani Kerasulan Kerahiman Ilahi Keuskupan Keningau, berada di daerah tersebut kerana Program Jelajah *Study Day* Devosi Kerahiman Ilahi.

Paderi itu turut merayakan Misa Kudus bersama umat di sekitar Kampung Kelampun.

Dalam homilinya, Fr Morti menerangkan tentang devosi Kerahiman Ilahi dan mengajak umat untuk membuat renungan berdasarkan soalan ini: "adakah saya mengikut Yesus kerana cinta atau kerana kebiasaan?"

Jelasnya, "Mengikuti Yesus bukanlah sekadar *trend* melainkan lahir dari hati yang benar-benar mengimani Yesus dan meninggalkan cara hidup yang tidak baik.

Yesus tidak mencari pengikut

yang ramai tetapi melihat serta mencari hati yang sungguh-sungguh dan terbuka menerima Dia.

Fr Morti juga memberikan semangat kepada umat untuk tabah memikul salib kehidupan dan devosi Kerahiman Ilahi sangat disarankan agar umat sentiasa mengingati kasih agung Tuhan terhadap umat-Nya.

Dalam setiap salib yang dipikul sama ada dalam keluarga, komuniti, pekerjaan dan pelayanan, Tuhan tidak pernah meninggalkan umat-Nya kerana di sanalah kerahiman bekerja yang memberikan kekuatan, penghiburan dan harapan. Fr Morti turut berpesan agar umat berani "kehilangan" untuk memberi ruang bagi Tuhan untuk terus bertumbuh dalam iman.

Katanya, "Keberanian menyingkirkan ego dan keterikatan duniawi akan menemukan damai dan sukacita di dalam Yesus, kerana untuk menjadi murid Kristus!"

Misa diakhiri dengan sesi bergambar bersama Fr Morti dan seterusnya majlis persaudaraan di dewan Gereja. **Stella Eming Dydimus**



Berdoa dengan alam

BUKIT TINGGI, Pahang: Pelayan Keadilan Penciptaan Keuskupan Agung, dengan kerjasama Kem Merah, menganjurkan Misa untuk memperingati Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Penciptaan, pada September 6 lalu.

Perayaan Ekaristi itu menjemput umat untuk bertemu Tuhan melalui keindahan ciptaan dan memperbaharui komitmen mereka sebagai penjaga alam sekitar.

Misa Kudus di luar bangunan dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow, dibantu oleh Fr Andrew Manickam, OFM Cap.

Seramai 149 orang umat berhimpun berkumpul di tengah-tengah ketenangan alam semula jadi — dikelilingi oleh kehijauan yang subur, bunyi daun yang berdesir lembut, air yang mengalir, kicauan burung, dan nyanyian serangga — mewujudkan suasana kudus yang mendorong renungan dan penghormatan.

Dalam khutbahnya, Uskup Agung Julian berbicara tentang keindahan persekitaran semula

jadi yang mengelilingi mereka.

Beliau menekankan bahawa segala kebaikan, keindahan, dan kegembiraan berasal daripada Tuhan, Pencipta segala sesuatu. Kataanya, "Segala sesuatu yang indah, menakjubkan, dan membawa kegembiraan kepada kamu... ada Pengarang yang indah bagi Ibu Bumi. Berikan pujian dan terima kasih kepada Pencipta alam semesta!"

Uskup agung mengingatkan hadirin bahawa mudah untuk mengabaikan Pencipta dalam kehidupan seharian dan kadang-kala menyalahkannya apabila menghadapi kesukaran.

Prelatus itu menggesa umat beriman untuk mengenali tangan Tuhan dalam seluruh ciptaan.

Mengambil kisah penciptaan dalam Alkitab, Uskup Agung Julian menjelaskan bahawa "Tuhan menciptakan segala sesuatu baik, bahkan pada hari keenam, semuanya baik."

Namun, dosa telah mencacatkan keindahan ini dan menekankan tanggungjawab umat untuk

memelihara dan melindungi apa yang masih ada.

"Kita dipanggil untuk menjadi 'Pengurus Penciptaan' yang baik," katanya, menyeru para hadir untuk menjaga Ibu Alam seperti mana ia menyokong dan memelihara kita.

Sepanjang Misa, umat dijemput untuk mendengar kehadiran Ilahi yang menjelma dalam bunyi semula jadi di sekeliling mereka. Pengalaman itu menjadi peringatan yang kuat tentang keindahan jelas Ilahi yang wujud pada setiap daun, sungai, burung dan unggas.

Ia adalah seruan untuk bertindak — untuk menjadi pemelihara kurniaan Tuhan berupa penciptaan dengan menjaga dan memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

Misa Kudus di tengah-tengah alam semula jadi ini buat julung kali dianjurkan oleh Pelayan Keadilan Penciptaan Keuskupan Agung, dan ia berjaya memupuk tanggungjawab dan semangat komuniti untuk menjaga bumi, rumah kita bersama.

Katolik diseru kukuhkan kesatuan

PAPAR: 10 orang penziarah dari Singapura, tertarik dan kagum dengan kesatuan umat Katolik tempatan, semasa mereka berada di Keuskupan Agung Kota Kinabalu pada awal September lalu.

Sepuluh orang penziarah itu berada di Kota Kinabalu hampir sebulan untuk berziarah dan me-

lakukan kerja-kerja misi. Mereka juga melawat beberapa paroki bersama Msgr Nicholas Stephen dan paderi lain.

Semasa melawat Gereja St Sabina, Kampung Titimbungon, sebuah stasi luar di bawah jagaan paroki *Holy Rosary* Limbahau, para penziarah itu mengalami keindahan persaudaraan apabila

disambut meriah dengan tarian dan muzik tradisi.

Msgr Nicholas dalam homilinya menyeru para beliau agar meneruskan semangat persahabatan dan menyantuni mereka yang lebih berusia. Beliau juga mengajak umat untuk mengunjungi Perjalanan Salib yang ketika itu berada di paroki Limbahau.



Sahabat kecil Yesus



Ada pada mereka kesaksian Musa dan para nabi; baiklah mereka mendengarkan kesaksian itu. (Lukas 16:29)



Cari LAPAN perbezaan pada gambar ini.

Hello anak-anak, Dalam Injil hari ini, Yesus menceritakan perumpamaan tentang seorang kaya dan seorang miskin. Semasa mereka masih hidup, orang kaya itu mempunyai segala yang diinginkannya. Dia berpesta setiap hari dan tidak pernah lapar. Sementara itu Lazarus, si miskin, berbaring di pintu gerbang orang kaya, sentiasa lapar dan sakit. Malah anjing-anjing pun datang untuk menjilat luka-luka di badannya. Sebaik sahaja lelaki itu meninggal dunia, semuanya berubah. Orang kaya itu pergi ke neraka. Dia mendapat apa yang sewajarnya kerana hanya memikirkan dirinya sendiri semasa dia hidup. Lazarus, sebaliknya, pergi untuk bersama Abraham di Syurga. Dia telah menderita begitu banyak semasa hidupnya tetapi sekarang, dia sangat gembira. Orang kaya itu mahu setitik air untuk menyejukkan lidahnya, tetapi Lazarus tidak dapat membantunya. Orang kaya itu akhirnya menyedari, dia berada di neraka kerana dia hanya memikirkan dan mementingkan diri sendiri sepanjang hayatnya. Dia tidak pernah mahu membantu orang miskin. Anak-anak, berdasarkan kisah ini, apakah yang dapat kita lakukan untuk membantu mereka yang memerlukan? Adakah kita juga mempunyai sikap seperti orang kaya dalam kisah Injil? Sama-samalah kita berdoa dan mohon bantuan Roh Kudus agar kita dijauhkan daripada sikap mementingkan diri sendiri!

Salam sayang
Antie Melly

Cari objek-objek ini yang tersembunyi dalam gambar di bawah:


- jarum dan benang
- magnet
- buku
- bintang
- siput
- ikan
- bola rugby
- stokin
- sudu
- bulan
- lencana
- kek



Pesta para Malaikat Agung
Sept 29, 2025



G _ BR _ _ L



M _ CH _ _ L



R _ F _ _ L

Tuliskan nama penuh tiga Malaikat Agung.





BELIA



HO CHI MINH: Pada September 15, ratusan belia datang ke Keuskupan Phan Thiet sempena Seminar Belia Federasi para Uskup Asia (FABC) di Pusat Marian Tàpao. Perhimpunan yang berlangsung dari September 16 hingga 18 itu dibuka dengan suasana persaudaraan apabila peserta dari seluruh Asia berhimpun di pusat Marian.

Seminar ini menghimpunkan uskup, paderi, dan belia dari India, Bangladesh, Thailand, Hong Kong, Filipina, Taiwan, Malaysia dan Jepun.

Program sambutan malam di pusat Marian, Tàpao memperkenalkan para delegasi kepada Gereja tempatan melalui persembahan budaya, video yang menyoroti kehidupan keuskupan, dan aktiviti kumpulan.

Penganjur berkata ini bertujuan untuk membina perpaduan dan menyediakan peserta

untuk perbincangan yang akan datang.

Presiden Konferensi para Uskup Katolik Vietnam, Uskup Agung Joseph Nguyen Nang menyeru para delegasi bahawa "Yesus adalah harapan kita!"

Memetik ucapan Sto Yohanes Paulus II yang berbicara kepada golongan muda semasa Tahun Jubli 2000, Uskup Agung Joseph mengingatkan para peserta bahawa "Yesuslah yang membangkitkan dalam diri kamu keinginan untuk melakukan sesuatu yang hebat dengan kehidupan kamu, untuk komited, untuk memperbaiki diri kamu dan masyarakat, menjadikan dunia lebih manusiawi dan lebih meraikan persaudaraan."

Prelatus itu mengajak para delegasi agar "tetap bersatu dengan-Nya dan tetap dalam persahabatan-Nya, sentiasa, memupuk persahabatan dengan Tuhan melalui doa, peny-

embahan, Ekaristi, Pengakuan yang kerap, dan amal yang murah hati," ujarnya sambil menyebut dua orang kudus muda, Santo Piergiorgio Frassati dan Carlo Acutis, sebagai contoh konkrit iman.

Prelatus itu mengajak para delegasi untuk "berusaha melakukan perkara-perkara yang kecil dan besar demi kesucian, di mana sahaja kamu berada."

"Jangan cepat berpuas hati dan jangan juga cepat putus asa. Melalui terang Injil, Roh Kudus akan menguatkan kalian setiap hari!" kata Uskup Agung Joseph.

Seminar yang dibuka secara rasmi pada 16 September, dengan doa pagi, ucapan orientasi, dan sesi kerja.

Jurucakap Keuskupan Phan Thiet berkata perhimpunan itu bertujuan untuk menjadi saat rahmat bagi Gereja dan golongan muda di seluruh Asia. **LiCAS News**

Carlo Acutis, pembimbing rohani belia masa kini!



SEOUL: Kanonisasi Carlo Acutis telah menggerakkan hati umat Katolik muda di Korea Selatan, apabila "orang suci milenium" itu sudah diterima sebagai model peranan untuk generasi baharu penganut.

Dalam laporan oleh Agensi Berita *Fides Vatican*, Uskup Bantuan Paul Kyung Sang Lee dari Seoul menggambarkan santo itu sebagai "sumber inspirasi bagi orang Korea muda."

"Kita akan terus mempersembahkannya sebagai contoh kesucian kontemporari, terutamanya atas komitmennya untuk mengisytiharkan Injil dalam dunia digital," katanya.

Prelatus itu berkata bahawa anak muda Korea berharap agar Sto Carlo Acutis "akan diisytiharkan sebagai penaung Hari Belia Sedunia", menjelaskan bahawa belia Korea sudah membentuk atau menjalin hubungan yang mendalam dengan Acutis.

"Lebih daripada 1,000 orang muda Korea yang datang ke Roma pada bulan Ogos untuk Hari Jubli Belia telah melawat Tempat Suci Spoliation di Assisi, tempat jasad Acutis berehat," katanya.

Prelatus itu berkata bahawa upacara kanonisasi pada September 7 lalu mencapai jumlah penonton yang tinggi di Korea, dan stesen televisyen Katolik telah menyiarkan acara itu secara langsung.

Peninggalan Carlo Acutis, yang diberikan oleh keluarganya, kini disimpan di kapel ibu pejabat Jawatankuasa Penganjur Hari Belia Sedunia di Seoul.

Orang muda Korea sering melawat kapel untuk berdoa dan memohon syafaatnya, melihat dalam dirinya bukan sahaja seorang santo, tetapi juga seorang

"milenium" yang berjalan bersama mereka dalam iman.

Tanda-tanda kehadiran Carlo Acutis yang semakin meningkat juga dapat dilihat dalam kehidupan Katolik Korea.

Sebuah patung santo muda kini berdiri di halaman ibu pejabat Penyiaran Katolik Aman dan Akhbar Aman di Jeodong, Seoul.

"Kini, kehadiran Carlo Acutis di tempat ini mengingatkan semua orang bahawa media massa boleh menjadi saluran untuk menyebarkan Injil," kata Uskup Lee.

Bagi Uskup Kim Jong-gang, Presiden Jawatankuasa Pelayanan Belia Konferensi Uskup Korea, Carlo Acutis bercakap secara langsung kepada generasi hari ini.

Uskup itu menggambarkan Carlo Acutis sebagai tauladan "bagaimana menggunakan Internet untuk mendekati diri kepada Tuhan."

"Bagi golongan muda kita, yang lahir dan dibesarkan dalam persekitaran digital, kanonisasi Carlo membawa harapan besar dan rasa cabaran," kata Uskup Kim.

"Carlo Acutis memberitahu kita dengan kekudusannya, bahawa walaupun sebagai remaja, seseorang boleh mengutamakan Tuhan dan berkembang di jalan rohani melalui doa dan sakramen," tambahnya.

Prelatus itu berkata Carlo Acutis ialah "tokoh misionari yang sesuai untuk zaman digital" dan "menggesa anak muda Korea untuk menjadikan kemahiran digital mereka berbuah sebagai instrumen penginjilan."

Ini akan memberi peluang kepada golongan muda — dan komuniti Katolik yang lebih luas — untuk merenungkan kesaksian iman santo itu dan ajakannya untuk menjalani kesucian dalam kehidupan seharian. **LiCAS News**



Berita singkat antarabangsa

Rayuan terbaharu Sri Paus terhadap Gaza

VATIKAN: "Saya mengucapkan takziah yang mendalam kepada rakyat Palestin di Gaza, yang terus hidup dalam ketakutan dan bertahan dalam keadaan yang tidak boleh diterima, dipaksa—sekali lagi—dari tanah air mereka," kata Sri Paus Leo XIV pada Audiens Umumnya pada pagi September 17, 2025.

Pasukan Israel melancarkan serangan ketenteraan besar-besaran terhadap pusat penduduk terbesar Gaza, pada September 16.

Hamis menyatakan bahawa 350,000 orang telah melarikan diri dari bahagian timur bandar ke pusat pemindahan di bahagian lain Bandar Gaza, manakala 175,000 lagi telah melarikan diri



dari bandar sama sekali. Maruah manusia yang tidak boleh dicabuli bagi setiap orang mesti dihormati "Tuhan Yang Maha Esa, yang memerintahkan 'Janganlah kamu membunuh,'" dan "di hadapan seluruh umat manusia," Sri Paus Leo mengisytiharkan, "Setiap orang sentiasa mempunyai maruah yang tidak boleh dilanggar, untuk dihormati dan dilindungi."

Bapa Suci seterusnya memperbaharui rayuannya untuk "gencatan senjata, pembebasan tebusan, penyelesaian diplomatik yang dirundingkan, dan penghormatan penuh terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Media Vatikan

Puluhan ribu umat ucap "happy birthday" kepada Bapa Suci Leo

ROMA: Berpuluh-puluh papan tanda kecil buatan tangan dan sepanduk besar berkibar di Dataran Sto Petrus.

Kira-kira 30,000 penziarah telah mengucapkan selamat hari lahir kepada Bapa Suci Leo XIV pada September 14.

"Sahabat-sahabat yang dikasihi, nampaknya anda tahu bahawa hari ini saya berusia 70 tahun,"

kata Bapa Suci Leo. "Saya bersyukur kepada Tuhan dan kepada ibu bapa saya; dan saya berterima kasih kepada semua yang telah mengingati saya dalam doa mereka," katanya selepas doa Angelus.

Vatikan juga mengeluarkan treler untuk dokumentari baharu yang meraikan Bapa Suci pertama dari Amerika Syarikat, Sri Paus Leo. Media Vatikan

Panggilan telefon Sri Paus Leo ke Gaza, penghiburan besar buat umat menderita

GAZA: Menerima panggilan telepon dari Sri Paus Leo XIV terus membawa "sukacita besar" bagi ratusan orang yang menerima perlindungan dan sokongan terhadap satu-satunya Gereja Katolik ritus Latin di Gaza, kata paderi paroki tersebut.

Lebih 450 orang terpaksa meninggalkan rumah mereka, sebagian besar daripada pelarian itu ialah orang tua, orang sakit, dan kanak-kanak.

Mereka ditempatkan di kom-

pleks Gereja Keluarga Kudus, kata Fr Gabriel yang berasal dari Argentina.

Dalam sebuah video di Instagramnya pada September 10, Fr Gabriel mengatakan bahawa ini bukan pertama kali Sri Paus Leo XIV membuat panggilan telefon.

"Bapa Suci selalu memantau situasi dengan saksama dan sangat komited untuk mengakhiri perang ini, untuk bekerja dan berdoa bagi perdamaian," kata Fr Gabriel. Media Vatikan

China sekat aktiviti agama di media sosial

BEIJING: China memperkenalkan peraturan baharu pada September 16 yang mengehadkan aktiviti keagamaan di media sosial, mewajibkan permit untuk berkhotbah di WeChat, dan melarang penggunaan kecerdasan buatan untuk menyebarkan ajaran agama.

Peraturan Tingkah Laku Dalam Talian untuk Kakitangan Agama diperincikan oleh Pentadbiran Hal Ehwal Agama Kebangsaan, sebuah badan kerajaan yang mengawal selia amalan keagamaan di China.

Tokoh agama dilarang berkhotbah "melalui siaran langsung, video pendek, mesyuarat dalam talian, kumpulan WeChat atau WeChat Moments," kata kenyataan itu, merujuk kepada ciri-ciri platform media sosial yang paling banyak digunakan di China.

Peraturan itu juga melarang menawarkan latihan maya dalam "meditasi," "retret rohani," atau "terapi" yang mengandungi kandungan keagamaan.

Hanya ahli organisasi keagamaan yang diberi lesen oleh negeri sahaja yang boleh dikesualikan daripada larangan ini.

Peraturan itu juga melarang penggunaan "kecerdasan buatan generatif" untuk tujuan penginjilan.

Peraturan baharu ini dibina berdasarkan undang-undang yang digubal sejak tahun 2000-an yang secara progresif mengetatkan kawalan negara terhadap agama, terutamanya dalam ruang digital.

Pada tahun 2022, China mengharamkan semua perkhidmatan keagamaan dalam talian tanpa lesen rasmi. ucanews.com

Agama sumber penyembuhan, bukan perpecahan

ASTANA: Pemimpin agama dari seluruh dunia berkumpul di Astana, Kazakhstan, untuk Kongres Pemimpin Agama Dunia dan Tradisional kelapan pada September 17-18.

Sri Paus Leo XIV menyampaikan ucapan selamat kepada peserta dengan sebuah pesan yang bermula dengan ucapan "damai" dalam beberapa bahasa.

Sri Paus berkata para pemimpin agama berhimpun pada masa yang ditandai dengan konflik ganas untuk "memperbaharui persahabatan dan menjalin yang baharu, bersatu dalam keinginan bersama kita untuk membawa penyembuhan kepada dunia kita yang berpecah belah dan cedera."

Merunungkan tema acara "Dialog Agama: Sinergi untuk Masa Depan," Sri Paus Leo menyatakan bahawa setiap dorongan agama yang tulen berusaha untuk memupuk dialog dan kerjasama, kerana ia melangkaui sempadan dan menyatukan orang di manamana.

"Bekerja bersama dalam keharmonian bukan sekadar pilihan pragmatik, tetapi cerminan kepada susunan realiti yang lebih mendalam," katanya.

"Oleh sebab itu, solidariti, adalah sinergi dalam tindakan: ekspresi nyata mencintai tetangga kita seperti diri kita sendiri pada skala global."

Bukan bermaksud menghapuskan perbezaan, kerjasama antara agama mengundang umat beri-



man untuk menerima kepelbagaian sebagai sumber pengayaan.

Sri Paus mengingatkan bahawa Konsili Vatikan II mengesahkan pengiktirafan dan penghargaan Gereja Katolik terhadap semua yang "benar dan suci" dalam agama lain, dalam deklarasi 1965 *Nostra Aetate*.

"Gereja berusaha memupuk sinergi yang tulen dengan membawa kurniaan yang berbeza bagi setiap tradisi ke meja pertemuan, di mana setiap agama menyumbangkan kebijaksanaan dan belas kasihan yang unik dalam perkhidmatan untuk kebaikan bersama," katanya.

Bapa Suci mengingatkan bahawa pendahulunya, mendiang Sri Paus Fransiskus, pernah menghadiri Kongres sebelumnya di Astana pada September 2022, apabila pemimpin agama mengemukakan keganasan dan menegaskan keperluan untuk menjaga pelarian

serta berusaha untuk keamanan.

Sri Paus Leo XIV menyeru pemimpin semua agama untuk komited membina "masa depan yang aman, persaudaraan, dan perpaduan" dengan memberi kesaksian kepada kebenaran bahawa iman "menyatukan lebih daripada memisahkan."

"Sinergi," katanya, "menjadi tanda harapan yang kuat bagi seluruh umat manusia, mendedahkan bahawa agama, pada intinya, bukanlah sumber konflik tetapi mata air penyembuhan dan perdamaian."

Pada akhir pesannya, Sri Paus menyatakan harapannya agar kongres antara agama itu akan memberi inspirasi kepada penganut untuk berusaha mencapai keharmonian dan mewujudkan "sinergi untuk keamanan," yang "tidak bersenjata dan melucutkan senjata, rendah hati dan berterusan." Media Vatikan

Penganiayaan agama tidak pudar kemeriahan pesta Salib di Irak

ERBIL: Umat Kristian di utara Irak telah merayakan satu pencapaian penting yang kuat dalam iman dan kelangsungan hidup.

Dari September 9-13, penganut dari Gereja Chaldean, Assyrian, Katolik Syria dan Ortodoks Syria berkumpul di Erbil untuk Perayaan Salib.

Perayaan yang berlangsung selama beberapa hari itu termasuk perarakan lilin, doa, konsert, acara sukan dan budaya.

Uskup Agung Chaldean Bashar Warda dari Erbil, yang telah bekerjasama dengan pemimpin dari Gereja lain untuk merancang acara

tersebut, memberitahu badan amal pontifikal *Aid to the Church in Need* -- sebuah yayasan yang membantu menyokong perayaan itu.

Perayaan itu juga menandakan kumpulan *Islamic State* (IS), atau Daesh, yang menyerbu rantau itu sedekad lalu, tidak berjaya mencederakan iman orang Kristian.

Sedekad lalu, Daesh berusaha untuk menghapuskan agama Kristian dari tanah ini.

Hari ini, komuniti yang sama mengangkat salib tinggi-tinggi di dataran awam, di Gereja, dan dalam perarakan yang gembira," katanya Uskup Agung Chaldean.

Apa yang pernah dimaksudkan untuk "disenyapkan" telah menjadi proklamasi atau pewartaan malah iman telah bertahan, dan harapan lebih kuat daripada kematian.

Kumpulan pelampau Islam mengawal sebahagian Dataran Nineveh di utara Irak dari tahun 2014 hingga 2017.

Lebih daripada 120,000 orang Kristian mencari perlindungan di Erbil di wilayah Kurdistan separa autonomi Irak pada Ogos 2014.

ACN membantu pelarian Kristian yang melarikan diri pada tahun 2014, dan selepas kekalahan kumpulan IS, ACN juga membantu membina semula bandar dan perkampungan Kristian, membolehkan komuniti kembali ke rumah mereka.

Festival itu bermula pada September 9 dengan perarakan lilin sejauh 1.3 batu di pinggir bandar Erbil, Anawa, dari *shrine* Chaldean Sto Elijah ke Katedral Assyria Sto Yohanes Pembaptis.

Program perayaan itu juga padat dengan doa, muzik, acara kebudayaan, aktiviti sukan dan pertandingan menjelang malam vigil Pesta Salib pada September 13. Media Vatikan





Percaya pada masa dan rahmat Tuhan

VATIKAN: “Setiap masa yang ditangguhkan boleh menjadi masa rahmat, jika kita menawarkannya kepada Tuhan,” kata Sri Paus Leo XIV semasa Audiens Umum mingguan pada Rabu pagi, September 17 lalu.

Bapa Suci meneruskan siri katekesisnya mengenai tema Jubli, “Yesus Kristus Harapan Kita,” dengan tumpuan minggu ini pada misteri Sabtu Suci, hari kesunyian atau keheningan yang besar dan penantian yang menggembirakan.

Sri Paus mengingatkan bahawa Sabtu Suci juga merupakan “hari rehat”; meskipun kita sering “bergelut untuk berhenti dan berehat.”

Sama seperti Tuhan berehat selepas mencipta alam semesta, begitu juga Putera-Nya berehat selepas menyelesaikan kerja penebusan, setelah mengasihi kita hingga akhir.

Dalam konteks ini, Sri Paus Leo mengakui bahawa walaupun kita dijemput untuk mencari berehat dan bertenang dari kesibukan aktiviti harian kita, namun kita sering untuk mengundurkan diri.

Kehidupan baharu bermula dalam keheningan

Kita hidup seolah-olah hidup tidak pernah cukup. Kita tergesa-gesa untuk menghasilkan, untuk membuktikan diri, untuk mengejar. Tetapi, “Injil mengajar kita bahawa mengetahui cara untuk berhenti ialah tindakan kepercayaan yang mesti kita pelajari untuk lakukan.”

“Sabtu Suci,” kata Sri Paus, “mengajak kita untuk menemui bahawa kehidupan tidak selalu bergantung pada apa yang kita lakukan, tetapi juga pada mengetahui cara melepaskan apa yang telah kita lakukan.”

Di dalam makam, Yesus, Firman hidup Bapa berdiam diri. Tetapi justeru dalam keheningan itulah kehidupan baharu mula bertunas.

Masa yang ‘tidak berguna’ itu boleh menjadi berharga. Bapa Suci Leo meyakinkan umat beriman agar “tidak takut dengan masa yang berlalu, kerana Dia juga Tuhan yang menunggu.”

“Oleh itu, walaupun masa kita yang ‘tidak berguna’, iaitu masa berhenti, kekosongan, saat-saat yang tidak berbuah,” tetap dapat menjadi rahim kebangkitan...”

Percaya walaupun semuanya kelihatan sudah berakhir

“Setiap masa yang ditangguhkan boleh menjadi masa rahmat, jika kita menawarkannya kepada Tuhan,” katanya, kerana “Yesus, yang dikebumikan di dalam tanah, ialah wajah lembut Tuhan yang tidak memenuhi seluruh ruang” dan “Tuhan yang membiarkan perkara berlaku, yang menunggu, yang menarik diri untuk memberi kita kebebasan.”

“Dia ialah Tuhan. Percayalah kepada Dia meskipun kita melihat segala-galanya kelihatan sudah berakhir.”

Bapa Suci menjemput umat beriman untuk belajar daripada episod ini, iaitu “kita tidak perlu tergesa-gesa untuk bangun semula. Kita mesti cekal dan menerima keheningan serta menerima keterbatasan.”

Pada akhir katekesisnya, Sri Paus Leo XIV menekankan bahawa walaupun kita mungkin mencari jawapan yang cepat dan penyelesaian segera, “Tuhan bekerja secara mendalam, dalam masa kepercayaan yang perlahan.” **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Kadang-kadang dalam hidup ini, kelihatan kita menanggung salib setiap masa! Sesungguhnya Kristus tidak pernah meninggalkan kita di bawah beban salib.

Dia tidak meninggalkan kita dibebani dengan ‘bagasi kemuridan’. Kristus memberikan janji harapan, keteguhan kekuatan-Nya, keupayaan untuk bertahan, dengan berkongsi dengan kita kehidupan batin-Nya sendiri, misteri diri-Nya sendiri.

St Teresa dari Avila pernah berkata, “Orang yang suam-suam kuku tidak memeluk salib; mereka hanya menyeretnya.”



Terima salib, bukan menyeretnya

Jadi itulah kuncinya: bukan untuk menyeretnya... tetapi untuk menerimanya. Apabila begitu sukar bagi kita untuk memeluk salib kita, kita harus berdoa lebih keras lagi agar Kristus dan Bonda Kita yang Terberkati membekalkan kita dengan rahmat yang diperlukan untuk kita berbuat demikian.

Sto Yohanes dari Salib mengajar: “Jalan Tuhan itu sempit. Sesiapa yang ingin menempuhnya dengan lebih mudah mesti melepaskan segala-galanya dan menggunakan salib sebagai tongkatnya.”

Dengan kata lain, kita harus benar-benar bertekad untuk menderita dengan rela hati demi cinta kepada Tuhan dalam segala hal.

Apabila salib terasa terlalu berat bagi kita, mungkin kita boleh cuba membayangkan bersandar pada salib seperti tongkat, dan berdoa dengan kata-kata Doa Bapa Kami, “Jadilah kehendak-Mu!”

Sto Yohanes Vianney menulis: “Kamu mesti menerima salibmu; jika kamu menanggungnya dengan berani, ia akan membawamu ke Syurga.”

Memikirkan salib yang kita pikul sebagai objek yang seterusnya akan membawa kita... ke syurga... sememangnya merupakan dorongan yang hebat!

Tetapi bagaimana kita menanggung salib dengan berani?

Salah satu cara Katolik yang abadi untuk melakukan ini ialah dengan “menawarkannya.”

Bagaimana? Langkah pertama: Buka

hati untuk mempersembahkan beban atau salib kita kepada Tuhan.

Langkah kedua: Berdoa.

Doa berikut, salah satu daripada tujuh yang diberikan di Fatima, ialah doa yang sangat baik untuk membantu anda “menawarkan” salib anda:

Ya Yesus, aku menawarkan ini demi kasih-Mu, untuk pertaubatan orang berdosa, dan sebagai ganti rugi atas dosa-dosa yang dilakukan terhadap Hati Maria yang Tak Bernoda.

Anda boleh mengucapkan doa di atas pada masa sukar.

Juga, praktikkan tabiat baik dengan berdoa Persembahkan Pagi setiap hari. Dengan cara itu, setiap kesukaran yang datang dalam perjalanan anda sudah pun dipersembahkan kepada Tuhan.

Padre Pio pernah menyatakan bahawa, “Moto orang Kristian ialah Salib. Kita akan mengenali kasih Tuhan melalui tanda ini, melalui penderitaan yang Dia kirimkan kepadamu.”

Ibu Teresa dari Calcutta pula mengatakan, “Penderitaan ialah tanda bahawa kamu telah mendekati-Nya sehingga Dia boleh menciummu.”

Dalam Litani Salib kita diberitahu: “Salib ialah kekuatan orang yang lemah. Salib ialah doktor bagi orang sakit. Salib ialah kuasa raja-raja...”

Semua petikan ini pada dasarnya mengatakan perkara yang sama: salib, walau betapa beratnya ia kadang-kadang dirasakan, ialah hadiah daripada Tuhan yang mesti kita terima. **Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Keabadian jiwa

Sama ada dalam keluarga atau masyarakat, kita semua mengalami pengalaman menyakitkan kehilangan orang yang kita sayangi. Ketiadaan atau kehilangan mereka menyebabkan kerinduan yang memilukan.

Yang telah pergi — mereka ialah tingkap ke syurga, jambatan ke kerajaan Kristus. Ketiadaan fizikal mereka, bercampur dengan kenangan kita dan emosi yang kuat terhadap kenangan tentang mereka, mengingatkan kita sifat rapuh dan sementara menjadi manusia.

Harta benda kita, kuasa kita, kemuliaan kita akan lenyap. Dalam mengingati orang yang telah meninggalkan dunia, kita dijemput untuk merendahkan diri.

Ketiadaan orang-orang tersayang, membuat kita terjaga. Perpisahan ini membuka pintu ke alam ghaib — tempat yang tidak kita ketahui, ruang yang tidak dapat kita kawal.

Dalam kebanyakan masyarakat — dunia orang mati, dunia ghaib — ialah subjek spekulasi yang tidak berkesudahan.

Di Asia, kita tahu bahawa setiap masyarakat mencipta gudang mitos dan imejnya sendiri untuk menceritakan kisah ini dan memetakan dunia di alam fana.

Siapa pun kita, kita tidak dapat lari daripada visi keagamaan yang diberikan oleh budaya kita — sama ada kita menerimanya atau tidak.

Dalam dunia orang di China misalnya, ramai yang memberi perhatian teliti kepada pelbagai jiwa dan roh yang mungkin berlegar dalam kalangan kita. Selama berabad-abad, tamadun Cina telah membahaskan: berapa banyak jiwa yang membentuk seorang manusia? Kebijaksanaan Cina sangat peka terhadap sifat komposit diri manusia.

Putaran kepercayaan dan idea Asia ini mungkin membantu kita, sebagai orang Kristian, untuk lebih merendahkan diri.

Tuhan menjanjikan kita kehidupan kekal — bukan sebagai roh tanpa jasad, tetapi sebagai makhluk yang lengkap, hidup sepenuhnya di dalam-Nya. Dia tidak mahu menjadikan kita seperti sandwic, di mana hanya bahagian dalam dikitar semula untuk syurga!

Rahmat Bapa bukanlah panggilan untuk bermimpi tentang kebangkitan peribadi yang segera. Kita sering membayangkan bahawa apabila seseorang meninggal dunia, mereka hanya naik ke syurga dan meneruskan kehidupan mereka sepenuhnya di sana. Tetapi harapan Kristian bersandar kepada Tuhan yang ialah Bapa dan Pencipta, yang akan memperbaharui segala sesuatu pada waktunya. Dialah yang akan membangkitkan kita.

Di hadapan paparan kaya wacana dan ritual Asia yang mengelilingi kematian dan yang tidak kelihatan, kita mesti ingat bahawa kerajaan Kristus masih akan datang. Bukan untuk memusnahkan — tetapi untuk menebus, untuk mengubah. Berita Baik tentang Yesus memberitahu kita: jangan takut — dan jangan terjerumus ke dalam kepastian yang kosong. Tuhan lebih besar daripada semua pembinaan manusia kita, imej mental kita, dan dosa-dosa kita.

Dia juga lebih besar daripada orang mati kita, hantu kita, dan roh yang tidak kelihatan. Dalam kerajaan-Nya, kita semua akan dipanggil untuk hidup — sepenuhnya, berdamai, diperbaharui oleh Sang Pencipta. **Robert Mickens, Ucanews.com**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.


Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau WhatsApp: 011-26391498



Pemergian yang mengejutkan: Fr Alberto Irenus David SJ dalam kenangan



PETALING JAYA: Fr Alberto Irenus David, SJ, telah dipanggil kembali ke rumah Bapa pada September 11, pada usia 58 tahun.

Pemergiannya meninggalkan rasa kehilangan dan dukacita, namun rasa syukur yang lebih mendalam atas kehidupan yang telah dijalani — kehidupan yang ditandai dengan kekuatan yang tenang, pelayanan rendah hati, dan pengabdian yang tidak berbelah bahagi kepada Kristus.

Dilahirkan pada Januari 24, 1967, di Kepayan, Kota Kinabalu, dan dibaptis di Gereja Stella Maris, Tanjung Aru, perjalanan iman Fr Alberto berakar umbi sejak kecil.

Pada April 21, 2000, beliau memasuki Persatuan Yesus di Singapura, berani menyahut panggilan yang membawanya jauh melangkaui tanah kelahirannya, namun sentiasa akrab ke dalam hati Tuhan.

Pendidikan Yesuitnya membawa mendiang Fr Alberto ke banyak pelosok dunia — Falsafah di Ateneo de Manila (2002–2004); *Regency* di Petaling Jaya (2004–2006); MDiv dari Universiti Katolik Fu Jen di Taipei (2006–2010), dan *Licentiate* dalam Teologi Suci dari Milltown Institute, Dublin (2010–2012).

Setiap peringkat membentuknya menjadi seorang yang suka berdoa, bijak, dan berwawasan luas.

Ditahbis sebagai paderi pada Julai 31, 2011, sempena Pesta Sto Ignatius dari Loyola, oleh Uskup Cornelius Piong di Keningau, Fr Alberto menyerahkan dirinya sepenuhnya kepada pelayanan pastoral.

Sebagai penolong paderi paroki di Gereja St Francis Xavier (SFX), Petaling Jaya (2012–2015), umat mengenangnya sebagai paderi pendengar yang sabar, penasihat yang lembut, melayani setiap orang dengan kehangatan dan

hormat.

Beliau terus berkhidmat untuk Persatuan Yesus dengan dedikasi yang tinggi sebagai Pengarah *Pr-Novitiat* (2015–2018), Pengarah Belia dan Panggilan untuk Malaysia–Singapura (2018–2021), dan Ketua Komuniti Yesuit *Xavier Hall* (2020–2021).

Dalam setiap peranan, beliau membentuk dan memberi inspirasi kepada orang lain melalui contoh kepimpinan yang penuh doa dan belas kasihan.

Beliau juga memikul tanggungjawab di peringkat iaitu Penyelaras Serantau untuk Malaysia, Singapura, dan Brunei, serta Penyelaras Kontinental untuk Asia Pasifik bagi Jaringan Doa Sedunia Bapa Suci.

Karya pelayanannya telah menyentuh kehidupan yang tidak terkira banyaknya, menarik orang ramai ke dalam doa yang lebih mendalam dan menatukan mereka dengan intensi Bapa Suci.

Fr Alberto akan dikenang bukan sahaja kerana kelembutan pastoral dan kejelasan intelektualnya, tetapi juga kerana keupayaannya untuk melihat Kristus dalam orang lain dan membantu mereka melihat Kristus dalam diri mereka sendiri.

Beliau adalah seorang lelaki yang berjalan dengan rendah hati bersama Tuhan, yang menggalakkan tanpa gembar-gembur, dan yang menghayati moto Yesuit *Ad Majorem Dei Gloriam* — untuk kemuliaan Tuhan yang lebih besar.

Misa pengebumian Fr Alberto telah dirayakan pada September 15 di Gereja St Francis Xavier, Petaling Jaya, di mana umat, rakan-rakan, dan Yesuit berkumpul untuk menghormati seorang gembala yang dikasihi, mengucapkan terima kasih atas kehidupannya kerana menyerahkan jiwanya kepada Tuhan untuk melayani-Nya dengan setia hingga ke hujung nyawa.

Pembukaan Shrine Maria tanpa Noda di Sibiu

SIBU: Lebih 3,000 umat Katolik dari seluruh Keuskupan Sibiu memenuhi Katedral Hati Kudus pada September 8, untuk pembukaan dan pemberkatan Shrine Maria Tanpa Dosa.

Shrine setinggi 18 kaki dan patung Santa Perawan Maria dikatakan tertinggi di rantau ini.

Dalam khutbahnya, Uskup Joseph Hii, menyatakan harapannya agar shrine itu menjadi tempat di mana umat Katolik dapat memperdalam iman mereka dan bertemu Kristus.

“Melalui Bonda Maria, dia boleh membimbing kita kepada Yesus. Kita juga memohon kepada Tuhan untuk memberkati Katedral ini, dan semoga kita terus menggunakan pelbagai cara untuk membawa orang ramai bertemu Tuhan,” katanya.

Tarikh September 8 juga merayakan perayaan Kelahiran Perawan Suci Maria, dan pemberkatan shrine itu didedikasikan sempena hari penuh berkat itu.

Uskup Joseph menjelaskan bahawa gelaran shrine itu dinamakan shrine Maria Tanpa Dosa sebagai pengiktirafan kepada Legion of Maria, salah satu gerakan Marian terkuat di Malaysia, khususnya di Sibiu.

Prelatus itu mengimbuu bagaimana pergerakan itu, yang diasaskan di Dublin pada September 7, 1921,



telah lama berkhidmat kepada Tuhan dan komuniti melalui doa dan karya-karya aktif pelayanan.

Patung Maria di Shrine Maria Tanpa Noda dengan tangannya terbuka, kakinya menekan kepala ular merupakan imej bermakna yang menggambarkan Maria boleh mengalahkan kuasa kejahatan.

“Imej ini sangat bermakna,” katanya, menggesa LOM di Sibiu untuk meneruskan karya-karya rohani mereka.

Tiga jambatan menuju ke shrine tersebut, menurut Uskup Joseph, berfungsi sebagai peringatan kepada papan kayu yang pernah dipijak oleh umat Katolik untuk sampai ke Gereja pada zaman dahulu.

“Bagi generasi yang lebih tua, jika anda ingat, Gereja kita berada di seberang, iaitu di Sibiu Gateway sekarang. Sebelum ada semua bangunan ini, kita ada papan kayu ini, hanya kira-kira empat kaki lebar, yang selalu kita gunakan untuk pergi ke Gereja, sekolah, dan konven. Ini ialah salah satu cara mengingatkan kita tentang sejarah kita kerana sejarah penting untuk mengetahui siapa kita,” katanya.

Uskup Joseph mengakhiri homilinya dengan mengucapkan terima kasih kepada semua yang menyumbang kepada kejayaan shrine itu, yang kini berdiri sebagai mercu tanda rohani dan bukti iman yang berkekalan komuniti Katolik Sibiu.



Program jelajah Study Day di Kuala Penyu

KUALA PENYU: Seramai 172 orang peserta dari seluruh Paroki St Peter Kuala Penyu dan beberapa peserta dari Paroki St Joseph Papar telah menyertai Jelajah Study Day Devosi Kerahiman Ilahi yang telah diadakan di Dewan Gereja St Peter Bundu Kuala Penyu pada September 6, lalu.

Program ini dianjurkan oleh Tim Devosi Kerasulan Kerahiman Ilahi Keuskupan Keningau yang diketuai Fr Bede Morti Lamutan. Study Day ini membawa para peserta mendalami kefahaman mereka mengenai Devosi Kerahiman Ilahi.

Ia dimulakan dengan lagu pujipujian kemudian diteruskan dengan sesi pembentangan pertama yang disampaikan oleh Puan Mary Intang yang menjelaskan tentang devosi Kerahiman Ilahi secara mendalam.

“Devosi ini menuntut komitmen

yang menyeluruh serta ketaatsetiaan setiap peribadi yang sungguh kepada Tuhan,” ujar Puan Mary.

Beliau meneruskan sesi yang kedua yang menerangkan peranan umat sebagai rasul-rasul kecil Kerahiman Ilahi seperti Santa Faustina, Rasul Kerahiman Ilahi yang menerima tugas yang dipercayakan kepadanya untuk menyampaikan amanat Agung Tuhan Yesus untukewartakan cinta dan belas kasihan Tuhan kepada dunia.

Sesi seterusnya disampaikan oleh Katekis Flora Yohanes yang berkongsi mengenai Tabut perjanjian Bonda Kerahiman Ilahi.

Umat diajak memahami erti Tabut Perjanjian lama iaitu peti kudus yang dibuat atas perintah Tuhan (Ke- luaran 25:10-23) berisi Loh batu 10 perintah Tuhan, manna (Roti dari

Syurga) dan tongkat Harun yang bertunas.

Tabut perjanjian Baru ialah Bonda Maria sendiri kerana di dalam rahimnya ada Yesus, Firman Tuhan (Loh Batu), Yesus Roti Hidup (manna) dan Dialah Imam Agung yang kekal (seperti tongkat Harun).

Para peserta turut berkesempatan menonton video pendek mengenai devosi Kerahiman Ilahi dan Bonda Maria sebagai Tabut Perjanjian Baru.

Di penghujung sesi, beberapa peserta membuat perkongsian mengenai keajaiban Devosi Kerahiman Ilahi yang telah mentransformasikan hidup mereka. sesaat.

Program diteruskan dengan sesi soal jawab yang dikendalikan oleh Fr Bede Morti Lamutan dan diakhiri dengan doa Jam 3.00 Kerahiman Ilahi. Elizabeth Peter